

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 29.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang telah diambil akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk memperbaiki kerosakan mesin OMR sehingga menyebabkan pengumuman keputusan SPM 2016 terpaksa ditunda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyelesaikan masalah teknikal berkaitan mesin *Optical Mark Reader* (OMR) dan memastikan semua proses penyediaan data keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di semua peringkat adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Langkah segera yang diambil oleh KPM dapat menjamin keputusan SPM yang dikeluarkan adalah tepat serta mempunyai darjah kesahan yang tinggi selaras dengan prinsip kredibiliti dan integriti KPM.